

08 FEB 2004
MAYC-Sabah
MAYC PERLUASKAN KEANGGOTAAN KE SABAH

KUANTAN, 8 Feb (Bernama) -- Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) akan memperluaskan keanggotaannya ke Sabah bagi menarik lebih ramai golongan muda membabitkan diri dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Presidennya Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sehubungan itu, sebuah jawatankuasa MAYC akan ditubuhkan di Sabah bagi membolehkan persatuan itu beroperasi di sana.

"Sabah juga minta kita membentuk MAYC di sana, dan saya dah buat keputusan untuk ke Sabah bagi menubuhkan sebuah jawatankuasa di sana," katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat exco MAYC di sini hari ini.

Katanya penubuhan MAYC di Sabah penting bagi memupuk semangat perpaduan dan kesatuan antara semua kaum di negeri itu di samping memberi peluang kepada belia untuk berpersatuan.

Beliau berkata kepimpinan negara pada masa akan datang juga bergantung kepada kekuatan belia masa kini yang akan menjadi pemimpin masa hadapan manakala barisan kepimpinan yang ada kini pula akan bertindak sebagai pemerhati serta membantu sekiranya diperlukan.

Pada masa ini, MAYC dianggotai 300,000 orang dan lebih 1,000 kelab belia di seluruh negara.

Syed Hamid berkata MAYC juga akan disusun semula berikutan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi membolehkannya melantik jawatankuasa penaja yang baru.

Ini, katanya, memandangkan kawasan bagi MAYC juga berdasarkan kawasan parlimen.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata tarikh baru bagi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Myanmar ialah pada 13 Feb ini.

Beliau berkata lawatan itu bertujuan mengukuhkan hubungan yang sedia

wujud selain membincangkan isu berkaitan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Abdullah yang dijadualkan melawat Myanmar pada 29 Jan lepas, menengguhkan lawatan itu disebabkan batuk dan sakit tekak.

Myanmar merupakan destinasi terakhir beliau dalam siri kunjungan hormat ke negara-negara Asean selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

-- BERNAMA

LIB ROS